

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA  
RAYUAN HARI PAHLAWAN TAHUN 1989  
MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA  
PADA HARI AHAD, 30HB. JULAI, 1989  
PUKUL 9.00 MALAM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya merasa amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan segala rahmat dan hidayahNya saya berpeluang sekali lagi untuk melancarkan Kempen Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak, terutamanya Jawatankuasa Pusat Kutipan Derma ini kerana telah memberi penghargaan kepada saya untuk melancarkan kempen ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Esok akan tiba tanggal 31hb. Julai. Namun begitu, mungkin ramai di kalangan kita,

...terutamanya/-



terutamanya generasi muda yang menganggap perkara tersebut sebagai suatu kebiasaan ataupun lumrah alam semata-mata. Namun begitu, seluruh rakyat Malaysia harus menyedari dan menginsafi bahawa tanggal 31hb. Julai mengandungi makna yang besar dalam perjuangan kita bersama. Kita harus menyedari bahawa walaupun negara telah mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos, 1957, tetapi kemerdekaan sepenuhnya hanya dicapai mulai 31hb. Julai, 1960 apabila pada tarikh tersebut Kerajaan telah mengisytiharkan tamatnya darurat. Sempena dengan itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk mengisytiharkan 31hb. Julai setiap tahun sebagai Hari Pahlawan bagi menghormati pengorbanan dan perjuangan perajurit-perajurit di dalam menegakkan

...kedaulatan/-

kedaulatan tanahair. Oleh yang demikian adalah menjadi kewajipan kita bersama untuk mengenang Hari Pahlawan ini dengan sepenuhnya sebagai tonggak kemenangan kita ke atas kebatilan. Begitu juga adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat Malaysia yang cintakan kebebasan untuk mempertahankan kebebasan itu dengan sepenuh tenaga dan jiwa raga mereka demi menjamin kedaulatan negara ini daripada sebarang ancaman.

3. Sehubungan dengan ini perajurit-perajurit kita telah membuktikan keunggulan mereka sebagai pahlawan yang amat disegani. Keupayaan mereka di dalam membasmi ancaman pengganas komunis selama 12 tahun dan penglibatan mereka berkhidmat di bawah panji-panji Bangsa-Bangsa Bersatu di Congo

...pada/-

pada ketika itu, dan sekarang di Iran dan Iraq serta Namibia adalah suatu penghormatan dan pengorbanan yang besar terhadap agama, bangsa dan negara. Setiap perjuangan memerlukan pengorbanan. Dalam hubungan ini banyak perajurit-perajurit yang mengalami kecacatan dan kecederaan. Sementara itu tidak kurang pula jumlah mereka yang telah ditimpa maut. Pergi selama-lamanya menyahut panggilan Ilahi sambil meninggalkan isteri serta anak yang tersayang.

4. Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai skim bantuan kepada balu-balu perajurit yang terkorban termasuklah pemberian pencen. Walau bagaimanapun, ini tidak mencukupi. Kita perlu memberi bantuan

...kepada/-

kepada mereka semoga kehidupan mereka akan menjadi lebih selesa.

5. Sempena dengan Perayaan Hari Pahlawan, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah mengambil daya usaha untuk menganjurkan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan di seluruh negara mulai 31hb. Julai sehingga 31hb. Ogos setiap tahun. Tujuan kutipan derma ini diadakan ialah untuk membantu bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka yang kurang bernasib baik di samping mendidik masyarakat untuk mengenang kembali jasa dan pengorbanan mereka terhadap agama, bangsa dan tanahair. Kita harus sedar bahawa usaha-usaha untuk membantu bekas-bekas perajurit adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita bersama dan marilah sama-sama kita berbudi kepada mereka

...yang/-



yang telah banyak berjasa terhadap tanahair. Ibarat kata, orang berbudi kita berbahasa. Itulah budaya rakyat Malaysia yang tulin.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Pada keseluruhannya saya merasa amat berbangga kerana Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah dapat memperluaskan skim bantuan kebajikan kepada ahli-ahlinya serta tanggungan mereka. Hasil daripada kejayaan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan Tahun 1988, Persatuan ini telah berupaya mengeluarkan bantuan yang berjumlah tidak kurang daripada \$900 ribu. Jumlah tersebut adalah terlalu besar untuk dipikul oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sendiri dan mereka sentiasa mengharapkan bantuan

...ikhlas/-



ikhlas daripada orang ramai untuk membantu mereka mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk memberi bantuan kebajikan yang sedemikian. Saya menaruh kepercayaan bahawa segenap lapisan masyarakat di tanahair akan merasa bangga untuk membantu Persatuan tersebut dari semasa ke semasa.

7. Dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan sekalian bahawa Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bukanlah menagih supaya pengorbanan yang telah dicurahkan oleh mereka dibayar dengan wang ringgit melalui cara begini, tetapi sekadar mengingatkan kita semua supaya insaf di atas segala penderitaan yang sedang diharungi oleh balu-balu serta anak-anak

...yatim/-

yatim bekas-bekas perajurit yang kurang bernasib baik.

8. Sebagaimana yang telah saya sebutkan terlebih awal, tanggal 31hb. Julai adalah merupakan suatu tarikh kegemilangan perjuangan pahlawan-pahlawan di dalam menegakkan kedaulatan negara. Mereka telah menunjukkan semangat cinta serta kasihkan tanahair tanpa berbelah bagi. Semangat patriotik yang jitu telah menghasilkan keselamatan dan kesejahteraan negara sehingga sekarang. Sebagai rakyat yang cintakan keamanan, kita semua haruslah berwaspada dan mencontohi sikap dan semangat sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh pahlawan-pahlawan negara. Kita haruslah sedar bahawa semangat

...yang/-

yang sedemikian merupakan suatu kekuatan bagi rakyat Malaysia yang tidak boleh dijual beli.

9. Oleh yang yang demikian, kita seharusnya memupuk serta membelai semangat patriotik itu sehingga generasi muda kita akan turut mengamalkannya dari semasa ke semasa, begitu juga sikap harmonis di kalangan rakyat di negara ini mestilah terus dikekalkan. Tanpa kedua-dua semangat dan sikap tersebut, saya merasa kluatir arus perjuangan negara ini tidak akan sampai ke mana-mana malahan ianya akan membawa kepada perpecahan serta perbalahan di antara kita sendiri dan akhirnya akan mengakibatkan kemusnahan negara. Jika perkara ini berlaku saya merasa kluatir segala pembangunan yang sedang diatur dan dilaksanakan oleh Kerajaan akan menemui

...kebuntuan./-

kebuntuan. Oleh hal yang demikian marilah sama-sama kita menumpukan taat setia yang sepenuhnya untuk membela negara ini dan mempertingkatkan maruah serta keharmonian di kalangan kita demi negara Malaysia yang tercinta.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Pada akhir-akhir ini ekonomi negara telah menunjukkan suatu perubahan dan peningkatan yang menggalakkan. Tidak syak lagi pertumbuhan ekonomi ini membuktikan bahawa Kerajaan kita bersungguh-sungguh untuk membela dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita bersama untuk menentukan bahawa segala perancangan yang

...sedang/-

sedang diatur mestilah dilaksanakan sepenuhnya demi kepentingan rakyat. Perkara ini hanya akan dicapai apabila rakyat jelata sekalian membasmiikan fikiran-fikiran yang negatif dan menggantikannya dengan pemikiran yang positif ke arah pembangunan agama, bangsa dan tanahair.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya juga berharap Kerajaan serta sektor swasta akan membuka peluang yang lebih besar kepada bekas-bekas perajurit untuk berkecimpung sama ada sebagai usahawan-usahawan ataupun peniaga-peniaga kecil dan sebagainya. Saya yakin dan percaya bahawa dengan semangat disiplin yang tinggi yang dimiliki oleh bekas-bekas perajurit,

...saya/-

saya percaya sekiranya peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan sebagainya dibuka kepada mereka, mereka akan berjaya. Dengan jalan ini, beban yang sedang dipikul oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia akan berkurangan terutamanya di dalam mempertingkatkan tahap sosioekonomi bekas-bekas perajurit tanahair.

12. Sebelum saya mengundur diri sekali lagi saya mengambil peluang ini untuk menyeru kepada firma-firma, ahli-ahli perniagaan, para dermawan dan orang ramai supaya tampil ke hadapan untuk menyumbangkan derma mereka kepada kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini. Mudah-mudahan dengan apa juga sumbangan daripada para dermawan sekalian akan dapat membantu Persatuan Bekas

...Perajurit/-

Perajurit Malaysia bergerak dengan lebih cergas lagi dari semasa ke semasa di dalam usahanya untuk membantu bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka yang kurang bernasib baik.

13. Akhir kata marilah sama-sama kita menjayakan kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini dan memperbaharui tekad untuk terus hidup aman damai bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara serta menentukan bahawa pembangunan dan perkembangan negara ini mencapai tahap sebagaimana yang dicita-citakan.

Wabillahi taufik wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.

Abu Bakar bin Ali.

Jameal - isteri.

50 Jln Duplex

58/21/44, Dam. Utama.

Go to Taman Terengganu  
~~Go~~ straight on to traffic  
lights, pass straight on →  
turn (R) → by stone →  
go straight on.

1.00 pm. funeral.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

